



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DI LUAR SEKOLAH UNTUK  
TUJUAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR SMK MUNSHI  
ABDULLAH, SELANGOR.**

**BIEORYKHA ESTER JERIKOL**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Tandatangan:

Nama Pelajar:



PustakaTBainun



ptbupsi

No. Matrik:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Syukur saya panjatkan kepada Tuhan kerana dengan berkat kekuatan dan penyertaan-Nya, penulisan Projek Tahun Akhir ini akhirnya berjaya disiapkan. Walaupun pada peringkat awalnya saya mengalami pelbagai kesulitan namun dengan berkat kesabaran, usaha, dan disiplin yang berterusan membolehkan saya menyiapkan penulisan ini sesuai dengan masa penghantaran yang telah ditetapkan.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Puan Azita Binti Yonus selaku penyelia atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan, dan nasihat yang diberikan sepanjang proses menyiapkan penulisan projek ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak tertentu (pihak universiti) yang telah memberikan kerjasama dengan cukup baik kepada saya semasa melaksanakan penulisan projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang telah terlibat dalam kajian ini. Tanpa mereka, kajian ini tidak mungkin akan dapat disempurnakan seperti yang saya inginkan. Tidak lupa juga untuk ibu bapa saya dimana walaupun mereka berjauhan dengan saya, namun dengan doa dan sokongan mereka yang sentiasa bersama saya, cabaran semasa menjalankan penulisan projek ini dapat dilalui dengan jayanya sehingga ia berjaya disiapkan.





**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN TELEFON PINTAR DI LUAR SEKOLAH  
UNTUK TUJUAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR SMK  
MUNSHI ABDULLAH, SELANGOR**

**ABSTRAK**

Penggunaan telefon pintar kini bukan lagi semata-mata digunakan dengan fungsi sebagai alat komunikasi. Malahan, kewujudan telefon pintar yang mampu menyimpan pelbagai aplikasi telah memberikan manfaat dalam bidang pendidikan. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti kekerapan penggunaan telefon pintar antara pelajar, tujuan umum pelajar menggunakan telefon pintar, serta mengkaji apakah dan sejauh manakah penggunaan telefon pintar oleh pelajar untuk tujuan pembelajaran. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data daripada 120 pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Selangor. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 22*. Berdasarkan kepada keputusan kajian ini, majoriti pelajar bersetuju bahawa kekerapan paling tinggi penggunaan telefon pintar adalah antara tiga hingga empat jam sehari dimana kekerapan ini telah mencatatkan min yang paling tinggi. Bagi kategori penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum, min tertinggi yang dicatatkan adalah untuk tujuan rangkaian media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Telegram, Instagram, Wechat, dan sebagainya. Manakala dari aspek penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran pula, min tertinggi yang direkodkan adalah untuk tujuan mencari dan memperoleh maklumat pembelajaran yang diinginkan. Kajian ini juga telah mengupas perbezaan antara jantina dalam kekerapan penggunaan telefon pintar dan juga perbezaan penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran berdasarkan jantina pelajar.





## STUDY ON THE USE OF SMARTPHONE FOR LEARNING PURPOSES AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN SMK MUNSHI ABDULLAH, SELANGOR

### ABSTRACT

The use of smartphones is no longer solely used to function as a communication tool. In fact, the existence of a smartphone that is capable of storing a variety of applications already provide benefits in the field of education. This study was carried out to identify the frequency of smartphone usage among students, students' general purpose in using smartphones, as well as to examine whether and to what extent the use of smartphones by students for study purposes. A set of questionnaire was used to collect data from 120 students of Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Selangor. Data were analyzed using the software of Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 22. Based on the results of this study, majority of students agreed that the highest frequency of smartphone usage is between three to four hours a day in which this frequency has recorded the highest mean. For the category of smartphone use for general purposes, the highest mean that has been recorded is for the purpose of social media such as Facebook, Whatsapp, Telegram, Instagram, Wechat, etc. While from the aspects of smartphones use for learning purposes, the highest mean is for seeking and obtaining the desired learning information. The study also examines the differences between sexes gender in the frequency of smartphone usage, and also the differences between sexes gender in the aspects of smartphone use for learning purposes.





## SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

### BAB 1: PENDAHULUAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Latar Belakang Kajian
- 1.3 Pernyataan Masalah
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Persoalan Kajian
- 1.6 Hipotesis Kajian
- 1.7 Kepentingan Kajian
- 1.8 Batasan Kajian
- 1.9 Kerangka Teori
- 1.10 Definisi Istilah
- 1.11 Kesimpulan

### BAB 2: KAJIAN LITERATUR

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Perkembangan Telefon Pintar
  - 2.2.1 Perkembangan Telefon Pintar di Dunia
  - 2.2.2 Perkembangan Telefon Pintar di Malaysia
- 2.3 Manfaat Telefon Pintar Terhadap Pengguna





## 2.4 Penggunaan Telefon Pintar

2.4.1 Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Umum

2.4.2 Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Pembelajaran

## 2.5 Teori Berkaitan

2.5.1 Teori Pergantungan

2.5.2 Teori Hierarki Keperluan Maslow

## 2.6 Kesimpulan

# BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

## 3.3 Populasi Kajian

## 3.4 Persampelan Kajian

## 3.5 Instrumen Kajian

## 3.6 Prosedur Kajian

3.6.1 Kesahan

3.6.2 Kebolehpercayaan

3.6.3 Kajian Rintis

3.6.4 Pengumpulan Data Kajian Sebenar

## 3.7 Kaedah Analisis Data

3.7.1 Analisis Deskriptif

3.7.2 Analisis Inferensi

## 3.8 Kesimpulan

# BAB 4: DAPATAN KAJIAN

## 4.1 Pengenalan

## 4.2 Analisis Maklumat Demografi Responden

## 4.3 Analisis Kekerapan Responden Penggunaan Telefon Pintar





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

- 4.4 Analisis Tujuan Umum Penggunaan Telefon Pintar
- 4.5 Analisis Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Pembelajaran
- 4.6 Kesimpulan

## **BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN**

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian
  - 5.2.1 Kekerapan Penggunaan Telefon Pintar
  - 5.2.2 Tujuan Umum Penggunaan Telefon Pintar
  - 5.2.3 Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Pembelajaran
- 5.3 Implikasi Kajian
- 5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan
- 5.5 Kesimpulan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

- |            |   |
|------------|---|
| Jadual 3.1 | Taburan Skala Likert  |
| Jadual 3.2 | Skala Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>                                |
| Jadual 3.3 | Kebolehpercayaan Item Soal Selidik  |
| Jadual 4.1 | Taburan Responden Mengikut Umur   |
| Jadual 4.2 | Taburan Responden Mengikut Jantina  |
| Jadual 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa   |
| Jadual 4.4 | Kekerapan Penggunaan Telefon Pintar   |
| Jadual 4.5 | Perbezaan Kekerapan Penggunaan Telefon Pintar Berdasarkan Jantina                 |
| Jadual 4.6 | Tujuan Umum Penggunaan Telefon Pintar   |
| Jadual 4.7 | Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Pembelajaran                               |
| Jadual 4.8 | Perbezaan Penggunaan Telefon Pintar untuk Tujuan Pembelajaran Berdasarkan Jantina |



## SENARAI RAJAH

- |           |   |
|-----------|---|
| Rajah 1.1 | Analisis Penggunaan Telefon Pintar Mengikut Umur di Malaysia          |
| Rajah 1.2 | Analisis Penggunaan Telefon Pintar dalam Kalangan Pelajar di Malaysia |
| Rajah 1.3 | Kerangka Teori Kajian   |
| Rajah 2.1 | Teori Hierarki Keperluan Maslow                                       |
| Rajah 3.1 | Prosedur Analisis Data Borang Soal Selidik                            |





## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada zaman revolusi teknologi yang kian canggih masa kini, telefon pintar digunakan dengan meluas dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia. Dahulunya, telefon pintar dianggap sebagai aset yang sukar dimiliki selain bentuknya yang besar dan sukar dibawa. Namun, setelah memasuki alaf baru, pengguna telefon pintar semakin meningkat seperti cendawan tumbuh selepas hujan disebabkan harganya yang semakin murah dan senang dibawa ke mana-mana. Maka, tidak hairanlah hampir semua penduduk di dunia ini memiliki sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar. Pelajar sekolah juga tidak ketinggalan dalam kemajuan teknologi masa kini, malah ada pelajar yang telah pun mempunyai telefon pintar. Pemilikan telefon pintar dalam kalangan pelajar sekolah ini tidak dinafikan mampu memberi pelbagai maslahat khususnya dalam aktiviti pembelajaran mereka.





## 1.2 Latar belakang kajian


*Smartphone* atau telefon pintar merupakan sebuah peranti yang digunakan dalam komunikasi dan berkemampuan seperti komputer (Mandias, 2018). Dengan adanya telefon pintar, setiap maklumat yang dikehendaki dapat diketahui dalam jangka masa yang pendek kerana telefon pintar yang mempunyai kemampuan seperti komputer dapat digunakan untuk mencari maklumat tersebut.

Menurut Pandia (2014) kehadiran telefon pintar pada masa kini dapat memberikan kemudahan kepada manusia disamping mencerdaskan tingkat kemampuan manusia. Hal ini dapat dikaitkan dengan penggunaan telefon pintar oleh pelajar dalam aktiviti akademik dimana, pelajar boleh menggunakan telefon pintar yang mereka miliki sebagai alat untuk mencari setiap maklumat yang dikehendaki.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang menjalankan kajian *Hand Phone User Survey* (HPUS) 2017 turut membuktikan peningkatan pengguna telefon pintar dimana kadar penembusan telefon pintar meningkat sebanyak 7.2% daripada 68.7% pada tahun 2016 kepada 75.9% pada tahun 2017. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa dalam lingkungan umur 20 hingga 24 tahun, pengguna telefon pintar adalah 18.4% lebih tinggi daripada umur 25 hingga 29 tahun dengan 14.2% pengguna seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.1.


Manakala dalam kajian sebelum ini iaitu pada tahun 2014, *Hand Phone User Survey* telah mendapati bahawa 33.9% pelajar sekolah memiliki telefon pintar. Umur terawal para pelajar memiliki telefon pintar adalah antara 13 hingga 15 tahun iaitu pelajar-pelajar dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa kanak-kanak akan mendapat telefon bimbit pertama mereka pada umur 12 tahun (rujuk rajah 1.2).





Sumber: SKMM, 2017

Rajah 1.1: Analisis Penggunaan Telefon Pintar Mengikut Umur di Malaysia



Sumber: SKMM, 2014

Rajah 1.2: Analisis Penggunaan Telefon Pintar dalam Kalangan Pelajar di Malaysia



### 1.3 Pernyataan Masalah

Penggunaan telefon pintar pada masa kini adalah sangat sinonim dengan kehidupan masyarakat sekeliling. Hal ini demikian kerana, telefon pintar merupakan salah satu gadget yang boleh dijadikan sebagai medium untuk mendapatkan maklumat dalam aktiviti pendidikan, selain daripada berhubung dengan keluarga maupun rakan-rakan.

Teknologi mudah alih telah meningkatkan prestasi pembelajaran dan menyediakan aktiviti baru yang lebih aktif dengan menggunakan teknologi tanpa wayar (Sarrab, Elbasir dan Alnaeli, 2016) contohnya seperti telefon pintar. Kemboja dan Rosniah (2014) dalam Ibrahim (2016) juga telah menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar membolehkan pelajar mengakses pelbagai material yang berguna dalam pembelajaran mereka. Ini membuktikan dengan jelasnya bahawa telefon pintar boleh menjadi satu alat yang mudah untuk digunakan untuk tujuan pembelajaran pelajar.



Selain itu, Ibrahim (2016) juga telah menyatakan dalam kajiannya bahawa telefon pintar berkesan dalam menghasilkan pelbagai aktiviti dalam pembelajaran seperti berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan atau guru dengan menggunakan Bahasa Inggeris. Hal ini adalah suatu fenomena yang baik dalam penggunaan telefon pintar kerana lebih praktikal dan merupakan salah satu cara yang lebih mudah dalam membantu pelajar untuk memperbaiki dan meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris mereka.

Namun demikian, terdapat juga masalahnya dalam penggunaan telefon pintar yang berlebihan. Menurut Gowthamip & Venkatakrishnakumarp (2016) telefon pintar membolehkan pelajar menggunakan laman rangkaian sosial, bermain permainan dalam talian, dan menonton rancangan televisyen yang akan menjadi sumber gangguan kepada pelajar. Mereka turut menyatakan bahawa gangguan ini bukan sahaja menjadi gangguan kepada pelajar, tetapi juga kepada rakan-rakan sekeliling pelajar dan keseluruhan kelas.





Pada masa kini, terdapat peningkatan minat dalam penggunaan telefon pintar yang mendorong penggunanya untuk mengakses laman rangkaian sosial yang sedia ada. Melalui kewujuduan telefon pintar ini, pelajar lebih cenderung dan semakin tertarik untuk mengakses laman rangkaian sosial sepanjang masa. Al-Harrasi & Al-Badli (2014) dalam Wang, Chen, & Liang (2011) menjelaskan bahawa rangkaian sosial dalam telefon pintar mempunyai kesan negatif kepada penurunan gred pelajar yang disebabkan oleh peningkatan gangguan dan membawa kepada penyalahgunaan masa pelajar.

Penggunaan telefon pintar mengalami peningkatan yang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan telah membawa kepada ketagihan (Demirci, Akgönül, & Akpinar, 2015). Kibona & Mgaya (2015) dalam kajian mereka juga telah menyatakan bahawa ketagihan telefon pintar menjadi suatu masalah dalam kawasan kajian beliau kerana kebanyakan pelajar sama ada pelajar pengajian tinggi atau peringkat rendah lebih ketagih kepada aplikasi-aplikasi yang ditemui dalam telefon pintar. Kesannya, pelajar lebih gembira dan berminat terhadap aplikasi tersebut dan akan merampas masa belajar, mengurangkan tumpuan belajar, mengurangkan kecerdasan, dan mengurangkan minat belajar (Rusmini, 2016).

Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh M. Alfawareh & Jusoh (2014), tahap penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang rendah walhal ia mempunyai potensi untuk digunakan secara optimum dalam pembelajaran. Ini jelas menunjukkan bahawa telefon pintar boleh menjadi satu platform yang membantu pelajar dalam pembelajaran mereka.





## 1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui keberkesanan penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran di luar sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan kekerapan penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar
2. Mengkaji penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum oleh pelajar
3. Mengenalpasti penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran oleh pelajar berdasarkan jantina

## 1.5 Persoalan Kajian



1. Sebanyak manakah kekerapan menggunakan telefon pintar antara pelajar berdasarkan jantina
2. Apakah tujuan umum penggunaan telefon pintar oleh pelajar
3. Sejauh manakah penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran oleh pelajar lelaki dan perempuan

## 1.6 Hipotesis kajian

H<sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kekerapan penggunaan telefon pintar antara pelajar berdasarkan jantina

H<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran antara pelajar berdasarkan jantina





## 1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini penting untuk mengetahui keberkesanan penggunaan telefon pintar terhadap prestasi akademik pelajar sekolah menengah harian. Kepentingan ini boleh dibahagikan kepada beberapa pihak iaitu:

### 1.7.1 Pelajar

Melalui kajian ini, pelajar akan dapat memperbaiki kemahiran pengurusan mereka dalam penggunaan telefon pintar. Pengurusan penggunaan telefon pintar yang baik dan teratur sudah tentunya akan memberi kebaikan kepada para pelajar sendiri. Pelajar tidak akan terus terikat dan kurang ketagih dalam menggunakan telefon pintar kerana mereka bijak menguruskan penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari.



### 1.7.2 Guru

Kajian yang dijalankan ini juga dapat membantu guru-guru di sekolah menengah harian untuk memudahkan proses penyampaian maklumat. Penyampaian maklumat apabila berada di luar kawasan sekolah tetap dapat dilakukan kerana telefon pintar yang memudahkan situasi tersebut. Bukan itu sahaja, guru-guru dapat memberikan nota tambahan kepada pelajar melalui aplikasi yang ada dalam telefon pintar seperti *whatsapp*, *telegram* ataupun e-mail.





### 1.7.3 Ibu bapa

Kajian ini turut memberi gambaran awal khususnya kepada ibu bapa mengenai penggunaan telefon pintar oleh anak-anak mereka. Sejajar dengan itu, ibu bapa akan memainkan peranan dalam membantu anak-anak mereka menguruskan penggunaan telefon pintar agar tidak memberi kesan yang negatif kepada pembelajaran.

### 1.8 Batasan kajian

Kajian ini dijalankan terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Sabak Bernam, Selangor. Skop kajian ini memberi penumpuan terhadap pelajar yang memiliki dan menggunakan telefon pintar di rumah atau di luar sekolah memandangkan fokus kajian adalah untuk mengkaji sejauh manakah penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran.




Semasa menjalankan kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat juga segelintir pelajar yang tidak memiliki atau menggunakan telefon pintar. Hal ini menyebabkan pengkaji harus mengenalpasti terlebih dahulu pelajar-pelajar yang memiliki atau menggunakan telefon pintar, barulah boleh diteruskan dengan pengedaran borang soal selidik kepada para responden.

Pengkaji menggunakan seramai 120 responden dalam kajian ini. Justeru, hasil kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soal selidik yang diberikan dimana keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili konteks penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan pelajar di Malaysia. Namun begitu, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dalam memberi penekanan tentang kemaslahatan penggunaan telefon pintar untuk tujuan pembelajaran pelajar sekolah menengah terutamanya ketika tidak berada dalam kawasan sekolah.



## 1.9 Kerangka teori

Kerangka teori yang dibina ini adalah untuk menjelaskan secara grafik dan ringkas tentang kajian yang akan dijalankan. Ia juga merupakan kunci kepada hubung kait antara faktor yang mempengaruhi kajian dan bentuk kajian yang akan dijalankan (Iberahim, 2014). Dalam kajian ini, kerangka teori menunjukkan perkaitan antara penggunaan telefon pintar dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan penggunaannya untuk tujuan pembelajaran.



Rajah 1.3: Kerangka Teori Kajian

Sumber: Disuaipadankan dari kajian Hasan, Rahman, Islam, & Hasan (2017)



Berdasarkan kepada penyelidikan lepas pengkaji, kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan telefon pintar kebanyakannya tertumpu kepada pelajar universiti dan kolej sahaja. Justeru, seperti yang dapat dilihat dalam kerangka teori tersebut, pengkaji ingin mengenalpasti bagaimanakah penggunaan telefon pintar yang memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah harian dalam penggunaannya untuk tujuan pembelajaran.

Dalam rajah 1.3 yang telah ditunjukkan, penggunaan telefon pintar merupakan boleh ubah tidak bersandar bagi kajian ini kerana menurut Deraman & Sasudian (2017) arus pemodenan mengubah sedikit sebanyak corak pembelajaran dalam kalangan pelajar dimana mereka banyak bergantung pada telefon pintar yang dimiliki. Berdasarkan kepada Barakati (2013) pula, ketika pelajar menggunakan telefon pintar, para pelajar dilihat lebih terlibat dalam proses pembelajaran dan secara langsung meningkatkan keinginan pelajar untuk belajar. Oleh sebab itu, kedua-dua bolehubah yang ditunjukkan dalam rajah 1.3 digunakan kerana pengkaji ingin mengkaji secara keseluruhannya mengenai penggunaan telefon pintar khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah untuk tujuan penggunaannya dalam pembelajaran.





## 1.10 Definisi istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Antara istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

### 1.10.1 Telefon pintar

Menurut Demirci et al. (2015) telefon pintar adalah alat popular yang boleh memproses lebih maklumat daripada telefon lain yang merangkumi pelbagai ciri seperti permainan, akses kepada internet dan rangkaian sosial, mesej, video, multimedia, dan navigasi, sebagai tambahan kepada penggunaannya untuk komunikasi. Dalam kajian ini, telefon pintar dikaitkan dengan pelajar-pelajar yang memiliki dan menggunakannya.



## 1.10.2 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan satu tindakan untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat, serta pembentukan sikap dan kepercayaan yang berlaku sepanjang hayat manusia sebaik sahaja dilahirkan. Merujuk kepada Sihes (2010) dalam R. Gagne (1970), pembelajaran adalah perubahan atau kemampuan seseorang yang dapat dikekalkan bukan disebabkan oleh pertumbuhan. Perubahan yang dipanggil pembelajaran diperlihatkan melalui perubahan tingkah laku dengan membandingkan tingkah laku seseorang individu sebelum dan selepas didedahkan dengan situasi pembelajaran. Dalam kajian ini, pembelajaran dikaitkan dengan tujuan penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran oleh pelajar sekolah menengah harian.





### 1.10.3 Pelajar

Pelajar merupakan orang yang sedang belajar atau berguru di sebuah sekolah atau institusi. Dalam kajian ini, pelajar adalah terdiri daripada mereka yang sedang belajar di sekolah yang terletak di daerah Sabak Bernam, Selangor.

### 1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam Bab 1 ini, pengkaji telah menjelaskan pengenalan kepada kajian yang dijalankan. Selain itu, isu-isu berkaitan yang wujud dalam penggunaan telefon pintar juga telah dinyatakan dalam pernyataan masalah untuk menperkuuh tujuan kajian dijalankan. Bab 1 ini juga telah menerangkan perangkaan awal untuk melaksanakan kajian dalam kerangka teori sebagai panduan kepada pengkaji untuk memastikan setiap langkah yang akan diambil dapat dilakukan dengan baik sekaligus mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

